BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/17/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Khamis, 23 Mac 2017

Bank Negara Malaysia Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada tahun 2016

Kestabilan kewangan domestik adalah mampan dalam keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu. Kelembapan pemulihan ekonomi, keadaan geopolitik, jangkaan yang berubah terhadap kadar dan masa pelarasan semula kadar faedah ke paras yang wajar di Amerika Syarikat (AS), dan turun naik harga minyak mentah yang berterusan adalah antara faktor global utama yang mempengaruhi tingkah laku pelabur sepanjang tahun 2016. Ketidaktentuan yang ketara sebahagian besarnya terus diimbangi oleh kedalaman pasaran kewangan domestik dan keteguhan pelabur institusi domestik yang menyokong keadaan pasaran yang teratur. Keadaan pendanaan dalam negeri secara keseluruhannya adalah stabil, dengan pengagihan mudah tunai di seluruh bank yang bertambah baik. Institusi kewangan terus mempunyai modal yang kukuh dan mencatat keuntungan, sekali gus memberikan sokongan yang mantap untuk aktiviti pengantaraan dalam negeri.

Sumber risiko utama terhadap kestabilan kewangan domestik dijangka berpunca daripada paras hutang dalam negeri yang lebih tinggi, peningkatan harga harta tanah dalam beberapa segmen harta kediaman dan lebihan bekalan harta komersial, serta pasaran kewangan yang lebih tidak menentu. Sebahagian besar risiko daripada pemberian pinjaman isi rumah kekal terkawal. Pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana kerana isi rumah secara amnya mengurangkan peminjaman selaras dengan kemampuan membayar balik pinjaman. Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah lebih rendah pada 88.4% (2015: 89.1%), apabila kadar penyederhanaan hutang yang berada lebih rendah daripada pertumbuhan KDNK nominal buat kali pertama sejak tahun 2010. Keadaan ini mungkin menjadi titik perubahan bagi pelarasan dalam leveraj isi rumah. Nisbah khidmat hutang bagi isi rumah pada amnya kekal pada tahap yang berhemat dan bahagian peminjaman isi rumah yang mudah terjejas

terus berkurang pada tahun 2016. Bank-bank juga secara beransur-ansur telah meningkatkan paras peruntukan dan rizab bagi jejas nilai kolektif untuk mengukuhkan penampan terhadap kejadian kerugian yang mungkin dialami. Hal ini berlaku dalam keadaan jejas nilai yang lebih tinggi akibat pemberian pinjaman isi rumah, walaupun dari paras yang rendah. Kemerosotan yang lebih meluas dalam kualiti aset isi rumah dijangka dapat dibendung dengan selesa, hasil daripada langkah-langkah kehematan makro yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. Meskipun langkah-langkah tersebut pada masa ini dianggap mencukupi, sikap sentiasa berwaspada diperlukan untuk membendung risiko daripada meningkat semula.

Beban hutang isi rumah juga berkurang dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam harga rumah purata yang meningkat 5.3% berbanding dengan purata 9.5% dalam tempoh 2010-2015. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini dikaitkan terutamanya dengan pengurangan pembelian untuk pelaburan, terutamanya dalam segmen rumah berharga tinggi, manakala permintaan terhadap perumahan mampu milik kekal kukuh. Piawaian pemberian pinjaman yang bertanggungjawab telah membantu menggalakkan pengimbangan semula bekalan perumahan ke arah segmen mampu milik, tetapi kadar pelarasan terus perlahan dengan harga rumah masih di luar kemampuan kebanyakan isi rumah. Pelarasan harga selanjutnya oleh pemaju swasta diperlukan untuk memenuhi permintaan di samping membantu mengurangkan hutang isi rumah.

Risiko bagi segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah kekal tinggi, dengan bekalan baharu mengatasi trend tertinggi mutakhir ini walaupun tanda-tanda permintaan penyewaan adalah lebih lemah dalam sektor tertentu. Kadar kekosongan terus meningkat. Penambahan bekalan ruang pejabat dan komersial runcit yang dirancang akan terus memberikan tekanan menurun terhadap penyewaan dan kadar sewa. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak berkuasa untuk mengetatkan kelulusan bagi pembinaan bangunan komersial. Langkah ini harus dilaksanakan secara berterusan di bawah dasar perancangan negara yang dirangka dengan teliti untuk mengurangkan risiko bekalan yang berlebihan. Walaupun dedahan bank kepada segmen harta tanah ini adalah kecil, usaha untuk mengelak ketidakseimbangan yang lebih ketara dalam pasaran harta tanah komersial adalah penting untuk membendung kesan limpahan kepada keseluruhan ekonomi.

Firma dalam beberapa sektor masih berdepan dengan keadaan perniagaan yang mencabar. Namun demikian, firma Malaysia terus mengekalkan kedudukan kewangan yang agak kukuh. Leveraj perniagaan bertambah baik dengan kadar peningkatan yang lebih perlahan dalam hutang perniagaan dalam dan luar negeri. Hampir tiga perempat hutang perniagaan luar negeri (yang terdiri daripada obligasi antara syarikat, kredit perdagangan, dan

pemegangan bon hutang dan sukuk ringgit oleh bukan pemastautin) mengehadkan risiko pendanaan dan mata wang. Keupayaan membayar balik hutang perniagaan terus mendapat sokongan yang baik dengan median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) pada 9.4 kali, melebihi piawaian kehematan dengan selesa. Bahagian hutang yang berisiko (ditakrifkan sebagai hutang yang ditanggung oleh firma dengan ICR yang kurang daripada dua kali) kekal rendah pada 7.7% (2015: 6.2%) daripada jumlah hutang korporat, disumbangkan terutamanya oleh firma dalam sektor automotif, harta tanah, serta minyak dan gas. Bank-bank juga telah mengurangkan tumpuan kredit pada peminjam besar.

Malaysia terus mengalami aliran portfolio dua hala pada tahun 2016. Meskipun berdepan dengan keadaan ketidaktentuan yang ketara menjelang akhir tahun 2016, pasaran kewangan yang maju dengan kehadiran pelabur institusi domestik yang kukuh terus mempengaruhi kestabilan pasaran domestik seperti tahun-tahun sebelumnya. Turun naik ringgit bertambah ketara disebabkan oleh aktiviti spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) luar pesisir yang tidak telus serta ketidakseimbangan penawaran dan permintaan yang semakin meningkat dalam pasaran pertukaran asing tempatan sejak beberapa tahun ini. Sejak pelaksanaan langkah-langkah yang diumumkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) untuk memperdalam dan memperluas pasaran pertukaran asing domestik pada bulan Disember, turun naik ringgit menjadi reda. Lebihan mudah tunai agregat dalam sistem kewangan domestik tetap menyokong aktiviti pengantaraan walaupun terdapat penurunan. Ini sejajar dengan pergerakan portfolio keseluruhan pada tahun ini. Mudah tunai sistem perbankan merangkumi penempatan, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank kekal lebih daripada mencukupi pada RM167.4 bilion, yang boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Bank-bank juga telah meningkatkan modal dan pendanaan jangka panjang mereka sejak beberapa tahun kebelakangan ini, yang membantu mewujudkan sumber pendanaan bank yang lebih stabil.

Liabiliti luaran bersih bagi bank-bank di Malaysia meningkat, sebahagian besarnya mencerminkan dana modal yang dipegang oleh bank asing yang diperbadankan di Malaysia, dan sekuriti yang dipegang bagi pihak pelanggan. Dedahan sedemikian tidak menimbulkan risiko kredit dan mudah tunai yang besar kepada sistem perbankan domestik. Kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) sebaliknya terus mengekalkan kedudukan aset luaran bersih, mencerminkan operasi luar negeri mereka yang semakin berkembang dan amalan pengurusan mudah tunai berpusat. Kualiti aset luar negeri DBG secara keseluruhannya kekal kukuh, walaupun paras jejas nilai yang lebih tinggi telah dicatat berikutan dedahan dalam beberapa segmen pemberian pinjaman yang lebih dipengaruhi oleh penurunan harga minyak

dan keadaan ekonomi yang lebih perlahan. Keadaan ini adalah sesuatu yang dijangkakan. Kemungkinan institusi kewangan bukan bank yang tidak dikawal selia oleh Bank dan sebahagian besarnya tidak diselia untuk memindahkan risiko dan kejutan kepada sistem kewangan juga terus terbatas.

Pada tahun 2017, keadaan dijangka kekal mencabar bagi sesetengah perniagaan dan isi rumah. Sedikit kemerosotan dalam prestasi pinjaman dijangka berlaku, tetapi tidak akan menyeluruh memandangkan kualiti aset bank yang secara amnya kukuh, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Persekitaran kadar faedah berterusan rendah juga akan meningkatkan cabaran kepada penanggung insurans hayat. Berdasarkan ujian tekanan yang baru dijalankan oleh Bank, institusi kewangan dijangka kekal berdaya tahan untuk menghadapi tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk.

Sektor Perbankan

Jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan meningkat 5.3% kepada RM1,521.5 bilion pada tahun 2016, didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah. Bank terus memberikan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pertumbuhan meningkat 9.2%. Pembiayaan oleh institusi kewangan pembangunan kepada sektor pertumbuhan yang disasarkan, termasuk sektor pertanian, meningkat 5.7%. Sehingga kini, pembiayaan berjumlah RM3.5 bilion telah disalurkan kepada lebih 200,000 perusahaan mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Yang ketara, prestasi ejen bank sungguh membanggakan. Transaksi yang dikendalikan melalui rangkaian perbankan ejen meningkat melebihi 100 juta transaksi bernilai RM8.5 bilion telah dijalankan di lebih 7,900 ejen bank di seluruh negara. Pada masa hadapan, beberapa inisiatif utama sedang dilaksanakan untuk mewujudkan keadaan kewangan yang lebih akomodatif bagi perniagaan berinovasi dan perniagaan pertumbuhan baharu. Ini termasuk menurunkan kos memulakan perniagaan melalui pengawalseliaan yang akomodatif, memanfaatkan sumber data baharu untuk menangani kekurangan maklumat, mewujudkan proses pembiayaan PKS yang lancar, dan meneruskan program pembinaan keupayaan PKS untuk meningkatkan keupayaan mengakses perkhidmatan perbankan. Potensi yang besar juga tersedia untuk memajukan lagi pembiayaan alternatif di Malaysia bagi memenuhi jurang pembiayaan yang dianggarkan berjumlah lebih daripada RM21 bilion melalui modal usaha niaga, pemajakan dan pemfaktoran, serta pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet (crowdfunding).

Keberuntungan bank bertambah baik pada tahun 2016, disokong oleh keuntungan daripada aktiviti perbendaharaan dan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh daripada operasi perbankan Islam. Penggunaan teknologi yang

lebih meluas oleh institusi perbankan juga terus meningkatkan kecekapan dan menambah baik pengalaman perkhidmatan pelanggan. Transaksi perbankan yang dikendalikan melalui saluran digital terus tersebar luas, khususnya transaksi mudah alih yang mencatat peningkatan penggunaan yang ketara. Beberapa inovasi untuk onboarding pelanggan, mengurus hubungan dengan pelanggan, memudahkan pembayaran dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan kepada masyarakat luar bandar juga telah diperkenalkan.

Pelaksanaan piawaian mudah tunai Basel III terus menjadi fokus utama pada tahun 2016. Berikutan usaha memuktamadkan piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) pada tahun 2015, tumpuan telah beralih pada usaha mempertimbangkan keperluan yang sesuai supaya bank dapat mematuhi piawaian Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR). Bank juga sedang memantau dengan rapi perkembangan pembaharuan global selebihnya, apabila Jawatankuasa Basel memuktamadkan penambahbaikan terhadap piawaian modal berasaskan risiko. Bank menyokong perubahan ini dan akan terus menggunakan piawaian itu secara konsisten dengan risiko yang sedia ada dalam sistem kewangan domestik. Pada tahun tersebut, Bank turut memperkenalkan piawaian yang lebih mantap bagi pengurusan risiko kredit dan ujian tekanan. Pengurusan risiko amalan oleh institusi perbankan terus diberikan penekanan, dengan perhatian khusus pada risiko yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas dalam perkhidmatan perbankan. Ini termasuklah perlindungan yang mencukupi bagi maklumat sulit pelanggan dalam persekitaran digital.

Berikutan langkah penting yang diambil untuk meningkatkan tahap profesional tenaga kerja sektor perbankan, institusi perbankan memberikan komitmen untuk menyokong ahli lembaga pengarah dan kakitangan penting untuk memperoleh kelayakan Jurubank Bertauliah yang dianugerahkan oleh Asian Institute of Chartered Bankers. Langkah ini menyediakan asas yang kukuh untuk mendukung piawaian yang tinggi untuk amalan profesional, etika dan kompetensi dalam sektor perbankan.

Integrasi perbankan serantau bertambah mantap di bawah Rangka Kerja lntegrasi Perbankan ASEAN. Pada tahun 2016, Bank telah memeterai perjanjian dua hala dengan Otoritas Jasa Keuangan, Bangko Sentral ng Pilipinas dan Bank of Thailand, yang merintis laluan bagi akses pasaran yang lebih meluas dan fleksibiliti operasi untuk bank ASEAN bertauliah (qualified ASEAN banks) dalam menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan di dalam rantau.

Sektor Insurans dan Takaful

Sektor insurans dan takaful terus mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2016, disokong oleh permodalan keseluruhan yang kukuh. Bahagian perniagaan insurans/takaful perubatan dan kesihatan daripada jumlah perniagaan telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, mencerminkan kos pembiayaan kesihatan yang semakin meningkat. Namun begitu, kadar penembusan insurans secara keseluruhan kekal tidak berubah dalam julat antara 54% hingga 56% sepanjang lima tahun yang lalu. Kemampuan membayar dan akses masih menjadi faktor penghalang utama untuk meningkatkan kadar penembusan. Perkara ini sedang ditangani melalui pelbagai inisiatif, termasuk memerlukan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menawarkan produk perlindungan asas melalui saluran pengagihan langsung mulai tahun 2017, pewujudan pek insurans permulaan bagi golongan berpendapatan rendah yang akan dilancarkan di seluruh negara, dan lanjutan pembangunan saluran pengagihan alternatif.

Pertumbuhan sektor insurans am dan takaful am disokong oleh perniagaan segmen perlindungan kebakaran yang mengimbangi kesan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam segmen motor dan marin, penerbangan dan transit. Keupayaan domestik untuk mengunderait dan menanggung risiko yang lebih besar dan kompleks masih belum berkembang sepenuhnya. Aspek ini perlu dititikberatkan untuk menyokong pelaksanaan penstrukturan semula ekonomi dan mengurangkan aliran keluar premium insurans semula. Keberuntungan keseluruhan penanggung insurans dan pengendali takaful bertambah baik, meskipun kerugian akibat tuntutan melebihi premium untuk tuntutan motor Pihak Ketiga bagi Kecederaan Anggota Badan dan Kematian terus ketara. Pembaharuan yang sedang dilaksanakan dalam sektor insurans motor untuk mencapai penentuan harga yang lebih selaras dengan risiko dan membendung kerugian adalah sangat penting untuk mengekalkan keupayaan industri bagi menyokong risiko segmen motor dalam jangka panjang.

Industri insurans telah melalui fasa pertama liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran mulai 1 Julai 2016. Dalam fasa ini, produk baharu motor dan kebakaran boleh ditawarkan pada harga pasaran, manakala produk motor di bawah tarif yang sedia ada akan terus disediakan kepada orang ramai mengikut kadar tarif semasa. Dalam fasa kedua yang akan bermula 1 Julai 2017, tarif untuk semua produk motor sedia ada akan dimansuhkan, kecuali untuk produk motor pihak ketiga yang kadar tarif akan diselaraskan secara beransur-ansur. Langkah ini disokong oleh langkah untuk menambah baik kualiti dan liputan data bagi menilai risiko dan tuntutan, serta perlindungan untuk memastikan peralihan yang teratur. Pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga juga terus mencapai kemajuan sepanjang tahun 2016. Inisiatif ini akan memberikan lebih fleksibiliti

kepada penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengawal kos dengan lebih baik, yang memanfaatkan pengguna. Tambahan lagi, ia juga akan menggalakkan pembangunan saluran pengagihan alternatif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengantara insurans dan takaful.

Beberapa isu tingkah laku terus diselia dengan rapi oleh Bank. Pembayaran serahan polisi sepanjang empat tahun lalu telah meningkat melebihi sejarah paras purata jangka panjang, menimbulkan kebimbangan terhadap amalan jualan. Kenaikan kos penjagaan kesihatan turut menyumbang kepada aktiviti penentuan semula harga yang lebih kerap untuk produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan, yang boleh menyukarkan pemegang polisi untuk mengekalkan polisi mereka. Dalam persekitaran pelaburan yang lebih mencabar ini, Bank turut meneliti semakan semula pembayaran bonus untuk polisi insurans hayat sertaan. Bank terus mengambil tindakan tegas untuk memastikan amalan yang adil dilaksanakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful, termasuk menghendaki mereka mengambil langkah tertentu untuk mengurus kehendak pemegang polisi dengan lebih baik. Peralihan kepada dasar penggunaan bahasa yang mudah untuk membantu pengguna lebih memahami manfaat, pengecualian dan obligasi di bawah polisi insurans dan takaful terus mencapai kemajuan pada tahun ini. Pada akhir tahun 2017, lebih tiga perempat daripada polisi insurans dan takaful untuk perniagaan insurans peribadi dijangka menggunakan bahasa yang mudah.

Integrasi insurans serantau mengorak langkah setapak lagi pada tahun 2016 dengan pencapaian persetujuan Pakej Komitmen Ketujuh di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement on Services). Di bawah Pakej ini, Malaysia komited untuk meliberalkan penawaran insurans marin, penerbangan dan transit dan juga perkhidmatan broker insurans merentas sempadan berkuat kuasa 20 Disember 2016.

Pembangunan Kewangan Islam

Ekosistem kewangan Islam telah bertambah kukuh dan berkembang dalam memenuhi keperluan ekonomi negara. Institusi perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan dengan penampan kewangan yang kukuh. Aktiviti pengantaraan pelaburan mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, dengan akaun pelaburan (investment account, IA) yang diurus oleh bank-bank Islam meningkat kepada RM73.7 bilion untuk mencakupi 12.2% daripada jumlah deposit Islam dan IA dalam sistem perbankan Islam pada tahun 2016 (2015: RM47.1 bilion, 8.6%). Bank terus bekerjasama dengan industri dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menggalakkan pelaksanaan kontrak Syariah

yang lebih inovatif untuk memenuhi pelbagai keperluan pelaburan dan pendanaan bagi ekonomi. Satu aspek penting usaha ini ialah terbitan piawaian Syariah dan keperluan operasi oleh Bank, disokong oleh penerimaan piawaian modal dan mudah tunai yang teguh untuk menyediakan asas pembangunan pengawalseliaan yang mantap. Usaha ini akan dilengkapkan dengan pengenalan pengaturan operasi yang lebih cekap dan rejim undang-undang, cukai dan perakaunan yang lebih mudah. Dalam sektor takaful, kaji selidik yang dijalankan oleh Bank menunjukkan terdapat potensi besar untuk pertumbuhan produk takaful komersial, khususnya untuk memenuhi permintaan PKS. Oleh itu, industri takaful dijangka berkembang melangkaui perniagaan insurans yang kini didominasi segmen motor, kebakaran dan kemalangan diri yang terutamanya disasarkan kepada isi rumah.

Pembangunan industri kewangan Islam bagi tempoh dua tahun akan datang lebih tertumpu pada usaha meningkatkan lagi kepelbagaian pengantaraan yang dipacu oleh teknologi, bagi mengekalkan kadar pertumbuhan perniagaan dan tawaran nilai yang lebih baik kepada pelanggan. Contoh usaha ini ialah operasi Platform Akaun Pelaburan yang telah membantu aktiviti pemerolehan dana berjumlah RM20 juta sejak bulan April 2016 untuk menyokong pelbagai usaha perniagaan dalam industri yang berbeza. Satu lagi fokus pembangunan yang penting ialah bidang pemudahan pembiayaan perdagangan. Bank berhasrat untuk melihat pembiayaan perdagangan berlandaskan Syariah menyokong 10% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Usaha untuk memberikan lebih tumpuan pada pengantaraan berasaskan nilai sebagai teras utama produk kewangan Islam semakin diberikan perhatian pada tahun 2016. Tumpuan utama akan diberikan untuk menilai kesan kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat berlandaskan empat dimensi: menggalakkan kemampanan, mutu institusi, keterangkuman dan kepelbagaian serta kecekapan dalam pengantaraan kewangan Islam. Pembangunan rangka kerja Corporate Value Intent (CVI) untuk menggalakkan penzahiran berkualiti tinggi oleh institusi kewangan Islam dan penerapan wakaf yang secara lebih inovatif dalam penyelesaian pendanaan dan pembayaran untuk tujuan kebajikan sosial. Rangka kerja ini adalah antara beberapa langkah yang diambil untuk menjana nilai yang lebih tinggi bagi pemegang saham dan masyarakat secara umum. Usaha ini terus disokong oleh tumpuan yang berterusan pada pengukuhan pengaturan untuk membangunkan tenaga mahir yang berkualiti tinggi bagi kewangan Islam.

Perkembangan Merentas Sektor

Pasaran sekuriti hutang di Malaysia kekal sebagai sumber utama pembiayaan bagi syarikat korporat, yang meningkat serta mencakupi 37.4% daripada jumlah pembiayaan korporat pada akhir tahun 2016. Terbitan baharu bon korporat pada tahun itu diterajui oleh firma dalam sektor kewangan, insurans dan harta tanah; infrastruktur; serta bekalan elektrik, gas dan air. Dalam pasaran pertukaran asing pula, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh FMC pada bulan Disember telah menambah mudah tunai dalam negeri dan membendung urus niaga bersifat spekulatif dalam pasaran NDF ringgit daripada mempengaruhi dengan ketara turun naik nilai ringgit. Langkah yang diambil ini juga mencerminkan pendirian Bank selama ini untuk menggalakkan piawaian tingkah laku dan ketelusan yang tinggi dalam pasaran kewangan borong domestik bagi melindungi kepentingan awam. Bagi membangunkan pasaran kewangan domestik, FMC yang ditubuhkan pada bulan Mei telah memainkan peranan penting dengan menyediakan forum yang inklusif untuk melaksanakan strategi pembangunan pasaran kewangan domestik. Pada tahun ini, langkah selanjutnya turut diambil untuk memantapkan metodologi penetapan kadar bagi kadar rujukan utama, dan mengukuhkan piawaian tingkah laku profesional dan etika peserta pasaran borong. Selain itu, Bank melancarkan program Instrumen Deposit Boleh Niaga dan Instrumen Boleh Niaga Islam runcit dengan kerjasama industri perbankan untuk menggalakkan penyertaan pelabur runcit dalam pasaran kewangan domestik. Program ini memperluas akses pelabur runcit kepada instrumen pasaran wang dengan risiko rendah, justeru menggalakkan lagi pendalaman dan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik.

Penyelesaian mata wang tempatan dalam ringgit dan renminbi terus meningkat dari segi saiz, yang mengurangkan kos perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan pasaran kewangan serantau yang lebih mendalam. Pada tahun 2016, pengaturan tersebut telah diperluas untuk merangkumi penyelesaian mata wang tempatan dalam ringgit dan baht Thai, manakala persediaan juga sedang dibuat untuk melaksanakan pengaturan yang serupa melibatkan ringgit dan rupiah Indonesia.

Rangka kerja kehematan telah diperkukuh apabila piawaian tadbir urus korporat dan pengurusan risiko operasi, yang perlu dipatuhi oleh semua institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank telah dimuktamadkan. Dalam industri perkhidmatan wang, Bank terus meningkatkan kecekapan perkhidmatan wang, menggalakkan penggunaan saluran yang dibenarkan untuk perkhidmatan kiriman wang melalui pendigitalan, dan memastikan keadaan pasaran pertukaran asing yang teratur terutamanya semasa tempoh ketidaktentuan yang meningkat berdasarkan kejayaan pembaharuan yang dilaksanakan sejak tahun 2011. Kemajuan terus dicapai dalam pelaksanaan

pelan tindakan di bawah Pelan Strategik Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) Kebangsaan 2015-2020. Pencapaian ini telah disahkan melalui penilaian susulan yang positif oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan yang memaklumkan tentang pematuhan Malaysia yang semakin baik terhadap piawaian AML/CFT antarabangsa. Bank terus meningkatkan kewaspadaan terhadap penggunaan sistem kewangan untuk membiayai kegiatan keganasan dan telah menjalin kerjasama yang aktif dengan pihak berkuasa tempatan dan serantau. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan yang tegas terus diambil oleh Bank terhadap aktiviti haram dan jenayah bersindiket, melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan yang mula beroperasi pada 1 Oktober 2016 telah memperkukuh saluran di luar mahkamah yang sedia ada untuk pengguna kewangan menyelesaikan pertikaian berkaitan perkhidmatan dan produk kewangan. Jaringan Pendidikan Kewangan yang dianggotai pengawal selia dan pihak berkepentingan utama lain dalam pendidikan kewangan juga telah ditubuhkan pada bulan November untuk menyampaikan inisiatif pendidikan kewangan yang berimpak tinggi di bawah strategi kebangsaan yang terselaras. Bagi meningkatkan perlindungan undang-undang untuk peminjam dalam berurusan dengan penyedia kemudahan kredit, Bank sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menggubal Undang-undang Kredit Pengguna baharu yang akan memberikan perlindungan lebih menyeluruh kepada peminjam. Undang-undang ini mencakupi amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan adil, pelepasan hutang, penzahiran dan pemulihan hutang.

Bagi menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang selamat dan menyokong inovasi teknologi kewangan (financial technology, FinTech), Bank telah menubuhkan Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (Financial Technology Enabler Group) yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar dan strategi penggunaan inovasi teknologi dalam industri perkhidmatan kewangan. Sebagai langkah pertama yang penting, Sandbox Pengawalseliaan diperkenalkan pada bulan Oktober bagi membolehkan eksperimen solusi FinTech yang inovatif diuji dalam persekitaran pasaran yang sebenar dengan perlindungan yang sewajarnya. Pada masa hadapan, Bank akan menetapkan beberapa aspek pembangunan yang perlu diberikan keutamaan untuk memajukan lagi ekosistem FinTech di Malaysia. Usaha ini termasuk inisiatif yang akan memudahkan model antara muka program aplikasi (application programme interface), kegunaan lazim untuk Kenali Pelanggan Anda (Know-Your-Customer), penggunaan lejer teragih dan

pengkomputeran awan, dan pada masa yang sama memperkukuh daya tahan terhadap ancaman siber.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi tanpa gangguan serius. Dengan peningkatan ancaman serangan siber pada peringkat global, Bank memberikan tumpuan pada pengurusan risiko siber secara berkesan dalam aktiviti pengawasannya. Pada tahun 2016, industri mengambil langkah tambahan untuk mengukuhkan kawalan keselamatan yang sedia ada. Pelaksanaan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) Baharu telah meningkatkan lagi kecekapan operasi, pengurusan risiko dan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan. Dalam bidang pembayaran runcit, kerugian akibat penipuan kekal rendah. Dua inisiatif utama untuk memantapkan infrastruktur kad pembayaran di Malaysia, iaitu perpindahan daripada pengesahan menggunakan tandatangan kepada pengesahan menggunakan nombor pengenalan peribadi (PIN) untuk mengukuhkan keselamatan, serta pelaksanaan Spesifikasi Kad Cip Malaysia untuk kad debit domestik bagi meningkatkan fungsi saling boleh kendali, terus berjalan lancar. Kini, usaha sedang diambil untuk menggalakkan penggunaan PIN sebelum ia diwajibkan bagi semua urus niaga kad pembayaran domestik berkuat kuasa 1 Julai 2017.

Kemajuan yang menggalakkan terus dicapai ke arah sasaran pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) seperti yang ditetapkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, didorong oleh peningkatan urus niaga pindahan kredit dan kad pembayaran. Selaras dengan itu, penggunaan cek didapati semakin menurun. Langkah pengawalseliaan yang diperkenalkan di bawah Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran yang berkuat kuasa pada tahun 2015, terus mengurangkan kos urus niaga e-pembayaran dan mengubah tingkah laku dalam urus niaga. Khususnya, penurunan Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate) telah menjimatkan kos kepada peniaga yang dianggarkan kira-kira RM168 juta pada tahun 2016, manakala penubuhan Dana Pembangunan Pasaran pada tahun 2015 telah menggalakkan peningkatan pesat terminal POS. Langkah yang diambil untuk meningkatkan ketelusan dan pilihan untuk peniaga juga mengukuhkan persaingan antara rangkaian kad debit.

Salah satu strategi utama pada tahun 2017 adalah untuk mempermudah akses kepada infrastruktur pembayaran kongsian oleh peserta secara terbuka dan adil dengan matlamat untuk mewujudkan landskap pembayaran yang lebih berdaya saing yang mendorong penambahbaikan dalam perkhidmatan pembayaran. Ini termasuk memudahkan fungsi saling kendali antara skim pembayaran mudah alih dengan memanfaatkan infrastruktur yang sama

untuk pensuisan, penjelasan dan penyelesaian. Usaha ini bertujuan mengetengahkan potensi besar yang ada dalam pembayaran mudah alih, iaitu terdapat lebih daripada 40 juta langganan telefon mudah alih di Malaysia, bagi menggantikan penggunaan wang tunai dan memajukan rangkuman kewangan.

Bank Negara Malaysia
23 Mac 2017